

الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على امور الدنيا والدين، والصلة
والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه
اجميين، اما بعد

Yang Berhormat, Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Yang Mulia, Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh. Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai-Pegawai dan kakitangan KHEU, Pegawai-Pegawai dan kakitangan yang diraikan, Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kehadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, dengan izin dan inayahNya kita dapat berhimpun bagi meraikan Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Peringkat Kementerian Hal Ehwal Ugama Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-30 tahun 2023 yang bertemakan “Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam, Pemangkin Kesejahteraan Negara”.

Peramba/kaola/saya selaku Penasihat Bersama Majlis ini terlebih dahulu mengalu-alukan kehadiran dan seterusnya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama di atas kesudian Yang Berhormat Pehin untuk hadir selaku tetamu kehormat majlis dan insyaAllah akan menyempurnakan penyampaian sijil-sijil Penghargaan Perkhidmatan dan Cenderamata Bagi Pegawai Dan Kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama Yang Bersara Tahun 2022, penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) dan Anugerah Kakitangan Berjasa dan berbakti Perkhidmatan Awam (AKB2PA) dari Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi tahun 2020 dan 2023 serta penerima hadiah saguhati Anugerah Inovasi Perdana (AIP) tahun 2023.

Untuk makluman Yang Berhormat Pehin, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian, Majlis yang disempenakan dengan Hari Perkhidmatan Awam Ke-30 Tahun ini adalah bertujuan bagi memberikan penghargaan kepada Pegawai dan Kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah bersara pada tahun 2022 di atas khidmat dan jasa bakti, yang telah dicurahkan disepanjang khidmat di dalam perkhidmatan awam khususnya

di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Majlis ini juga akan diselajurkan dengan penghargaan dan pengiktirafan kepada penerima-penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam, Anugerah Kakitangan Berjasa & Berbakti Perkhidmatan Awam serta Anugerah Inovasi Perdana (AIP) dalam menerajui usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan (inovasi) dalam perkhidmatan awam khususnya di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan negara amnya.

Alhamdulillah, pada majlis ini sebanyak 102 sijil dan cenderamata akan diserahkan kepada penerima yang terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah bersara dari perkhidmatan mereka pada tahun 2022 dan seterusnya penerima-penerima anugerah-anugerah berikut, iaitu:

- i) Lapan (8) orang penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) iaitu empat (4) orang penerima bagi tahun 2020 dan empat (4) orang penerima bagi tahun 2023;
- ii) Dua (2) orang penerima Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB2PA) iaitu seorang (1) penerima tahun 2020 dan seorang (1) penerima tahun 2023; dan
- iii) Empat (4) kumpulan penerima hadiah saguhati bagi Anugerah Inovasi Perdana (AIP) bagi tahun 2023 iaitu Kumpulan Unit KAFA dari Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, KHEU, Kumpulan Al-Murtaqa, Kumpulan Al-Mubtakirun dan Kumpulan Al-

Mutaqaddimun, ketiga-tiganya dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

Bagi penerima Sijil Penghargaan Perkhidmatan yang terdiri dari pegawai dan kakitangan yang bersara, peramba/kaola/saya mewakili Kementerian Hal Ehwal Ugama mengucapkan junjung kasih dan terima kasih di atas jasa, khidmat bakti, pengorbanan, buah fikiran dan penat jerih yang dicurahkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan mendoakan semoga ibadah pekerjaan dan amal jariah biskita semua akan mendapat ganjaran pahala yang tidak putus-putusnya daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala juga serta sentiasa mendapat keredaanNya juga, Amin.

Syabas dan setinggi tahniah juga diucapkan kepada penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) dan Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB2PA) serta peserta-peserta Anugerah Inovasi Perdana (AIP), semoga anugerah yang diberikan akan menjadi penyuntik semangat dan motivasi untuk menjalankan tugas yang diamanahkan dengan lebih cemerlang, terus membuat inovasi dan seterusnya akan dapat terus menyumbang bakti yang dapat dirasakan kepada negara dan menjadi contoh ikutan yang terbaik kepada seluruh warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dan warga perkhidmatan awam yang lain.

Peramba/kaola/saya penuh yakin bahawa usaha penambahbaikan dan inovasi yang dibuat akan dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam usaha Kementerian ini secara berterusan memperbaiki dan mempertingkatkan lagi penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan kepada orang ramai. Oleh itu, peramba/kaola/saya berharap, Kementerian ini akan terus melakar usaha-usaha seumpamanya secara berterusan dengan juga melewati arus pembangunan digital demi mencapai visi dan misi Kementerian Hal Ehwal Ugama kearah Wawasan Brunei 2035, dengan sentiasa berpandukan kepada ajaran-ajaran Islam.

Di kesempatan ini, peramba/kaola/saya sukacita ingin mengongsikan petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam ke-30 tahun 2023, yang mana Baginda bertitah seperti berikut;

Maka sehubungan itu, setiap penjawat awam hendaklah sentiasa peka dengan perubahan semasa, disamping tidak lupa mengharapkan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala dalam masa melaksanakan apa jua tugas dan tanggungjawab.

Juga perlu dimiliki ialah idea-idea baru sebagai penambahbaikan proses kerja, peraturan, system penyampaian dan penghasilan.

Begitu juga dalam kepimpinan, setiap pemimpin dikehendaki bijak dalam mempelopori potensi kerja, khasnya potensi teknologi digital, sebagai asas kepada transformasi perkhidmatan yang berimpak besar.

Sebelum mengakhiri ucapan alu-aluan ini, sekali lagi peramba/kaola/saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin di atas kesudian hadir dan seterusnya akan menyempurnakan penyampaian sijil-sijil penghargaan pada pagi ini dan terima kasih juga kepada jemputan-jemputan khas, pegawai dan kakitangan yang diraikan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan di atas kehadiran di majlis ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa di atas kerjasama dan sumbangan bakti biskita dalam sama-sama membantu menjayakan Majlis pada pagi ini dan kepada pihak media yang hadir dalam sama-sama memberikan liputan bagi majlis ini. Semoga kita semua mendapat keberkatan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, Amin.

Sekian

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته